

Education

Faktor Utama Vandalisme dalam Kalangan Pelajar di Sekolah

Mohd Razimi Bin Husin¹, Nur Auni Najihah Binti Sufizi¹, Nur Fatin Nisa Binti Nasarudin¹, Anis Umaira Binti Yuslam¹, Siti Adibah Binti Zainal¹, Aidatul Azfaniza Binti Aspanizam¹, Muhammad Hafiz Bin Mohd Bakhari¹, Nur Shafika Hazirin Binti Che Aziz¹, Siti Norhafizah Binti Abd Razak¹, Muhamad Hafeez Bin Mat Aini¹

¹ Department of Educational Studies, Faculty of Human Development. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Article history

Received:
13.07.2020

Revised:
29.08.2020

Accepted:
30.08.2020

***Corresponding Author:**
Mohd Razimi bin Husin
Email:
razimi@fpm.upsu.edu.my

Abstrak: Di Malaysia, tingkah laku merosakkan harta benda di tempat awam dikategorikan sebagai salah laku yang berat dan serius. Objek kajian ini iaitu mengenalpasti faktor berlakunya masalah vandalisme dalam kalangan pelajar sekolah, menjelaskan kesan-kesan vandalisme kepada pelajar dan pihak sekolah, mengenalpasti langkah-langkah yang diambil oleh pihak sekolah dan pihak keluarga untuk mengatasi masalah vandalisme dalam kalangan pelajar sekolah, dan mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh pihak sekolah dalam mengatasi masalah vandalisme ini. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan maklumat. Hasil temu bual ditulis semula serta disokong dengan beberapa rujukan daripada jaringan internet dan sumber-sumber ilmiah. Kaedah temu bual yang pengkaji gunakan ialah temu bual semi-struktur. Kesimpulannya, masalah gejala vandalisme dalam kalangan pelajar sekolah mahupun remaja di Malaysia dilihat tidaklah terlalu teruk, namun jika masalah ini tidak dipandang serius ia boleh memberi impak yang besar kepada negara. Masalah vandalisme yang melanda remaja pada masa kini adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antara faktor-faktor tersebut ialah masalah institusi keluarga, persekitaran dan sebagainya.

Kata Kunci: Vandalisme, Kalangan Pelajar, Sekolah, Merosak.

Major Factors of Vandalism in School Students

Abstract: In Malaysia, the behavior of property damage in a layperson is categorized as serious and serious misconduct. The object of this study is to identify factors that affect the problem of vandalism among school students, explain the impressions of vandalism to students and school authorities, identify the steps taken by the school and family to overcome the problem of vandalism in school students, and identify the challenges that occur faced by the school in overcoming this vandalism problem. The method used by the reviewers in this study is to use the gibberish method to obtain information. The results of the gibberish were originally written and supported by several references. The method of data analysis used by the reviewer is semi-structural conversation. In conclusion, the problem of the symptoms of vandalism among school students as well as teenagers in Malaysia is seen as not too bad, but if this problem is not taken seriously it can give a big impact to the country. The problem of vandalism that is affecting adolescents today is influenced by several factors. Among these factors is the problem of family institutions, environment and so on.

Keywords: Vandalism, Student, School, Damage.



1. Pendahuluan

Vandalisme boleh ditakrifkan sebagai gejala laku musnah iaitu tabiat seseorang membinasakan harta benda awam dan juga harta benda orang lain. Maksud vandalisme menurut kamus dewan adalah satu bentuk jenayah di sisi moral atau dengan kata lain, sebarang perbuatan seperti menconteng, mengotori atau merosakkan harta benda awam dianggap sebagai vandalisme. Gejala vandalisme ini dianggap sebagai satu bentuk jenayah, tetapi pada keadaan tertentu vandalisme ini juga merupakan satu bentuk jenayah ritual yang dilakukan oleh golongan manusia yang tidak puas hati terhadap keadaan masyarakat.


Gejala vandalisme ini sememangnya gejala sosial yang tidak sihat yang sinonim dalam kalangan pelajar di sekolah. Di sekolah, vandalisme dianggap sebagai satu cara untuk melepaskan geram atau cara untuk menghilangkan kebosanan semata-mata. Walaupun pada dasarnya, vandalisme ini dianggap ringan, tetapi jika dibiarkan, ia akan menjadi barah dalam struktur sosial masyarakat. Jika gejala vandalisme ini tidak dibendung, sudah pasti negara akan menghadapi generasi muda yang bermasalah dari segi sosial. Selain daripada itu, masyarakat awam dan kerajaan terpaksa menanggung kerugian yang besar akibat daripada gejala vandalisme tersebut.

Dalam tahun 80-an, kajian tentang sikap buruk pelajar-pelajar adalah seperti mencuri, bersikap kasar dan biadap. Sikap buruk ini adalah pembawa kepada masalah utama yang dihadapi oleh pihak sekolah. Gluck et al. [1] menyatakan sikap buruk pelajar adalah seperti melanggar peraturan kerana kurang diberi perhatian, kecuaiian dan merokok. Begitu juga, kecenderungannya kini sudah berubah kepada perbuatan vandalisme. Kini, isu ini hangat diperbincangkan oleh media massa.

Di negara kita, tingkah laku merosakkan harta benda di tempat awam dikategorikan sebagai salah laku yang berat dan serius. Hal ini terbukti sejak 1968 lagi, Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengedarkan surat pekeliling yang mengatakan pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan tersebut akan digantung sementara waktu, di bawah undang-undang 1.3.5, merosak atau membinasakan harta sekolah [2].

Masalah merosakkan harta benda awam telah menjadi satu fenomena lumrah dalam alam persekitaran kita. Perbuatan ini mendapat perhatian serius daripada pihak sekolah, masyarakat dan media massa. Pelajar-pelajar tersebut langsung tidak memikirkan kesejahteraan dan kepentingan pengguna lain. Mereka sesuka hati sahaja merosakkan dan mengotori kemudahan dan persekitaran sekolah tanpa ada rasa bersalah atau menyesal atas kesalahan yang dilakukan.

Golongan remaja yang merosakkan harta benda merupakan golongan yang ingin kebebasan tetapi dikongkong ketat oleh ahli keluarganya. Mereka tidak mempunyai matlamat kehidupan, hobi dan kegemaran lalu suka membuang masa lapang dengan melakukan kesalahan ini apabila berjumpa dengan rakan-rakan sebaya. Mereka akan merasa puas setelah melakukan perbuatan menconteng di mana-mana sahaja dengan perkataan kasar dan gambar-gambar tidak senonoh. Contoh perbuatan tidak senonoh dibentangkan pada Rajah 1.



Rajah 1. Perbuatan Tak Senonoh

Objek kajian ini iaitu:

1. Mengenalpasti faktor berlakunya masalah vandalisme dalam kalangan pelajar sekolah.
2. Menjelaskan kesan-kesan vandalisme kepada pelajar dan pihak sekolah.
3. Mengenalpasti langkah-langkah yang diambil oleh pihak sekolah dan pihak keluarga untuk mengatasi masalah vandalisme dalam kalangan pelajar sekolah.
4. Mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh pihak sekolah dalam mengatasi masalah vandalisme ini.

2. Sorotan Kajian

Vandalisme merupakan salah satu masalah sosial yang berlaku di kalangan pelajar. Vandalisme menurut edisi kamus dewan yang ke-4 ialah perbuatan membinasa atau merosakkan harta benda awam dan persendirian. Pelajar yang terlibat dengan kegiatan ini pasti dipengaruhi oleh faktor-faktor yang tertentu. Menurut Rahim [3] penglibatan remaja dalam pelbagai faktor antaranya faktor dalaman diri remaja itu sendiri dari aspek perkembangan personaliti, kegagalan fungsi institusi keluarga dan juga rakan sebaya. Manakala menurut Zainal & Sharani [4] menyatakan pengaruh persekitaran di sekolah menjadi punca keruntuhan akhlak di kalangan remaja.

Pada zaman remaja, individu itu sedang mengalami pembentukan dan pengembangan identiti diri. Jamsiah & Hazlinda [5] mengatakan terdapat banyak perubahan yang dramatik yang berlaku semasa peringkat remaja seperti perubahan fizikal, biologikal dan psikososial. Perubahan ini berlaku berbeza beza dari seorang individu dengan individu yang lain. Perubahan fizikal dan emosi yang berlaku di alam remaja serta pengaruh persekitaran boleh membangkitkan perbuatan salah laku di kalangan remaja. Menurut kajian Jamsiah & Hazlinda [5] menunjukkan statistik bahawa masalah vandalisme ini di antara kes gejala sosial yang sederhana berlaku. Remaja lelaki menunjukkan bilangan yang lebih ramai daripada remaja perempuan yang terlibat di dalam gejala ini.

Menurut Fauziyani & Bushrah [6] kutipan data yang diperolehi menunjukkan bahawa individu yang melakukan vandalisme ialah ciri remaja yang mempunyai minda yang rendah dan remaja yang mementingkan diri sendiri. Menurut tinjauan mereka lagi, para remaja ini melakukan vandalisme ini bertujuan untuk mencuri dan mendapat untung, sikap buruk remaja dan mengisi masa lapang mereka. Peralatan yang menjadi sasaran mereka untuk melakukan vandalisme di sekolah adalah bangunan sekolah itu sendiri seperti kerusi, meja, pagar sekolah, tandas dan alat *flush* dalam tandas. Kegiatan ini memberi kesan kepada kewangan, mengundang bencana, menimbulkan persepsi buruk, dan membawa jenayah yang lebih berat.

Vandalisme ini merupakan sebuah kegiatan yang lahir dari keruntuhan akhlak dan moral remaja. Bedu et al. [7] menyatakan punca keruntuhan akhlak ini ialah perasaan ingin mencuba, pengaruh rakan sebaya, perkembangan media massa, sikap keluarga dan didikan agama. Sikap keluarga memainkan peranan yang penting dalam menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan remaja khususnya individu yang bergelar pelajar. Keluarga yang mengamalkan sikap terlalu mengongkong atau terlalu memberi kebebasan mampu menjadi penyumbang utama kes gejala sosial. Remaja ini hidup tanpa diberi didikan yang baik. Ibu bapa tidak menerapkan nilai-nilai keagamaan dalam diri mereka dan seterusnya melahirkan akhlak yang buruk dalam kalangan pelajar.

Akhir sekali, Khalim Zainal dalam artikelnya mengatakan bahawa pendokong teori tingkah laku percaya bahawa semua manusia lahir dalam keadaan bersih, suci dalam keadaan kosong. Apa yang terjadi kepada manusia adalah hasil pembentukan tingkah laku yang dibentuk oleh asakan persekitaran. Selain itu, beliau menyebut tentang teori pembentukan sosial yang diperkenalkan oleh Albert Bandura iaitu individu bertingkah laku berdasarkan pengalaman dengan melihat orang lain yang dianggap sebagai model. Setiap remaja mempunyai latar belakang dan pengalaman hidup yang berbeza yang membentuk tingkah laku yang berbeza di sekolah.

3. Kaedah Kajian

Kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan maklumat. Hasil temu bual ditulis semula serta disokong dengan beberapa rujukan daripada jaringan internet dan sumber-sumber ilmiah. Kaedah temu bual yang pengkaji gunakan ialah temu bual semi-struktur.

3.1. Temu Bual Semi-struktur

Temu bual semi-struktur ialah interaksi dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian

daripada responden secara formal. Format temu bual semi-struktur terletak di antara temu bual berstruktur dan tidak berstruktur. Pengkaji menyoal soalan formal yang telah dirangka. Di samping itu, pengkaji juga diberi kebebasan untuk menyoal lebih dalam lagi mengenai jawapan yang diberi oleh responden.

Semasa temu bual dilaksanakan, pengkaji menggunakan kaedah temu bual semi-struktur iaitu dengan menyoal soalan kepada responden secara formal pada masa yang sama penyoal diberi kebebasan untuk bertanya dengan lebih terperinci yang berkaitan dengan tema pengkaji. Seterusnya, pengkaji melihat kepada situasi serta menyusun semula soalan mengikut keperluan agar responden dapat memahami apa yang hendak dijawab.

3.2. Maklumat Responden

Pengkaji secara berkumpulan telah menemu bual salah seorang guru yang mengajar di Sekolah Menengah Agama Irsyadiah Jeneri Sik Kedah. Beliau ialah En. Aizat bin Mohd Nasir dan beliau mempunyai pengalaman mengajar selama tiga tahun di sekolah tersebut. Beliau sedang menyambung pelajaran di peringkat doktor falsafah (PHD) di Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam Subjek Pedagogi. Temu bual dilakukan pada 23 Oktober 2019, Rabu pada pukul 11.00 pagi di Perpustakaan Tengku Bainun UPSI.

4. Dapatan Kajian

4.1. Faktor-Faktor Berlaku Masalah Vandalisme dalam Kalangan Pelajar di Sekolah

4.1.1. Pengaruh Rakan Sebaya

Rakan sebaya dalam kajian ini mungkin terdiri daripada pelajar-pelajar atau penganggur. Golongan ini sentiasa melakukan aktiviti kumpulan. Mereka lebih suka berbincang dan membuat keputusan bersama-sama jika dibandingkan dengan guru, ahli keluarga dan masyarakat. Lazimnya, mereka akan patuh dan mengikuti apa-apa pesanan daripada rakan-rakannya. Mereka ini akan berasa gembira ketika berkumpul dengan rakan sebaya. Pengaruh rakan sebaya yang dominan ke atas pelajar-pelajar mungkin meningkatkan lagi kejadian vandalisme di sekolah sekiranya kumpulan itu cenderung kearah melakukan perbuatan vandalisme.

Oleh itu faktor rakan sebaya merupakan faktor yang terbesar dalam terjadinya masalah ini. Benarlah apa yang diperkatakan oleh Encik Aizat daripada Sekolah Menengah Agama Irsyadiah dimana beliau menyatakan bahawa:

“Faktor persekitaran seperti rakan sebaya merupakan masalah utama. Rakan sebaya ni membawa pengaruh yang negatif dalam mempengaruhi pelajar-pelajar yang lain. Jadi jika kita melihat dalam kes vandalisme ni juga terlibat dalam pengaruh pengaruh luar yang dibawa dalam bentuk video dan sebagainya Kawan yang melihat video tersebut dapat mempengaruhi kawan-kawan yang lain dan berlakulah masalah vandalisme”

Justeru itu, memilih rakan yang mempunyai sikap yang positif dan berakhlak mulia adalah penting dalam kalang remaja kini. Hal ini kerana, pelajar-pelajar banyak menghabiskan masa mereka dengan rakan-rakan mereka. Jika rakan-rakan yang dipilih untuk berkawan itu adalah dalam kalangan orang yang positif maka sikap para pelajar tersebut juga kan menjadi positif dan begitulah sebaliknya.

4.1.2. Keluarga

Keluarga merupakan insan yang paling dekat dengan para pelajar. Mereka telah diasuh dan dicorakkan oleh ibu bapa semenjak daripada mereka bayi. Kelakuan dan tingkah laku mereka akan dipengaruhi oleh gaya asuhan ibu bapa terhadap mereka. Terdapat empat gaya asuhan ibu bapa yang akan memberi kesan kepada para pelajar iaitu autoritarion iaitu kawalan ketat, hubungan dengan ibu bapa adalah sehalu. Gaya asuhan yang kedua pula ialah autoritatif iaitu ibu bapa memberi kebebasan tapi memantau anak mereka. Seterusnya ialah gaya permisif iaitu ibu bapa memberi kebebasan kepada anak tanpa kawalan dan pemerhatian dan akhir sekali ialah neglecting iaitu membiarkan anak memilih gaya hidup sendiri tanpa pantauan dan pemerhatian. Gaya asuhan ini yang akan menentu tingkah laku anak-anak mereka di sekolah.

Selain itu, keruntuhan dan kegagalan dalam institusi keluarga akan menyebabkan remaja kurang kasih. Mereka akan tertekan, merasa kosong dan ingin mencari perhatian daripada orang lain di sekitar mereka. Apabila mereka ke sekolah, mereka akan mencuba sesuatu yang baru termasuklah

melakukan vandalisme untuk menunjukkan sesuatu yang dirasakan dalam diri mereka dan mencari perhatian daripada orang sekeliling. Berdasarkan temubual yang dijalankan dengan Cikgu Aizat, beliau juga bersetuju bahawa faktor didikan keluarga menjadi faktor terjadinya kegiatan vandalisme ini di sekolah. Beliau mengatakan bahawa:

“Peranan keluarga sangat penting memberi didikan secara tidak formal kepada para pelajar. Pada akhirnya para pelajar akan mencorak kelakuan mereka di sekolah Peranan ibu bapa sangat penting dalam mengatasi masalah vandalisme ini”.

Justeru, faktor didikan keluarga ini menjadi punca terjadinya kegiatan vandalisme ini di sekolah. Ibu bapa khususnya perlulah memainkan peranan dalam memberi didikan yang baik supaya melahirkan remaja yang bersahsiah tinggi.

4.2. Kesan Masalah Vandalisme terhadap Pelajar dan Pihak Sekolah

4.2.1. Kesan Terhadap Pelajar

Pelajar yang terlibat dengan gejala vandalisme akan mempunyai rekod masalah disiplin di sekolah yang mampu mendatangkan kesan buruk ke atas pelajar itu sendiri. Antaranya pelajar itu mungkin dijauhi oleh pelajar lain oleh kerana sikap mereka yang negatif itu. Selain itu, perbuatan mereka itu mungkin menyebabkan rekod kelakuan mereka dalam sijil berhenti sekolah berada pada tahap yang tidak memuaskan lantas menyukarkan urusan mereka pada masa hadapan. Misalnya, ketika mereka mahu memohon pekerjaan di suatu institusi namun rekod kelakuan mereka semasa sekolah tidak memuaskan. Hal ini merupakan salah satu faktor pelajar itu tidak mendapat pekerjaan di masa hadapan kerana institusi-institusi yang mencari pekerja mahu mendapatkan pekerja yang mempunyai tingkah laku yang baik.

Selain itu, para pelajar yang terlibat dengan gejala vandalisme cenderung mempunyai tingkah laku dan sikap negatif yang mampu memberi impak kepada diri sendiri dan rakan-rakan mereka yang mudah terpengaruh. Cikgu Aizat menyatakan pendapat beliau berkaitan kesan vandalisme terhadap pelajar:

“Saya bahagikan kepada dua. Kalau kita lihat para pelajar ini, kita lihat kepada IQ dan EQ. Jadi kalau kita lihat kepada EQ para pelajar ini emosinya orang kata, emosinya tidak stabil dimana kalau kita lihat pada para pelajar yang menconteng dinding-dinding sekolah kita lihat attitude yang tidak baik dan memberikan kesan mendalam kepada emosinya dan seterusnya bukan kepada dia saja tetapi juga kepada kawan-kawan lain yang akan meniru attitude tersebut.”

Kecerdasan Intelektual (IQ) adalah ukuran kemampuan intelektual, analisis, logik dan rasional seseorang. IQ merupakan kecerdasan otak untuk menerima, menyimpan, dan mengolah informasi menjadi fakta. Kecerdasan Emosional (EQ) adalah kemampuan mengenali perasaan sendiri dan perasaan orang lain, kemampuan memotivasi diri sendiri, serta kemampuan mengolah emosi dengan baik pada diri sendiri dan orang lain.

Pelajar yang melakukan gejala vandalisme ini mampu memberi kesan mendalam terhadap emosi mereka kerana apabila mereka melakukan perbuatan ini, mereka akan melahirkan pandangan negatif orang sekeliling terhadap mereka. Seterusnya, mereka akan merasa diri mereka tidak disukai dan dielak oleh orang sekeliling mereka yang mampu memberi impak negatif terhadap emosi mereka. Di samping itu, pelajar yang melakukan gejala vandalisme mampu mempengaruhi rakan-rakan sekeliling mereka yang mudah terpengaruh untuk turut sama melakukan perbuatan ini. Hal ini akan menyebabkan mereka mempunyai persekitaran yang negatif kerana mereka bergaul sesama mereka dan tidak keseorangan jadi, mereka lebih berani untuk melanggar peraturan sekolah seperti melakukan vandalisme.

4.2.2. Kesan terhadap Pihak Sekolah

Pelajar yang banyak melakukan kesalahan disiplin di sekolah juga memberikan kesan buruk kepada sekolah. Antara kesan buruk yang akan berlaku kepada sekolah ialah nama sekolah akan terjejas kerana prestasi disiplin yang kurang baik. Gejala yang berlaku ini seakan tiada kesudahannya kerana sering muncul di dada akhbar dan media sosial mengenai permasalahan yang berlaku di sekolah. Kesan yang berlaku memberikan impak buruk yang sangat besar terutamanya kepada warga pendidik

dalam mendidik pelajar yang sering terjebak dalam gejala ini.

Selain itu, gejala yang berlaku ini juga akan menjejaskan imej sekolah. Ibu bapa yang cakna dengan perkara akan teragak-agak untuk menghantar anak mereka ke sekolah yang timbul permasalahan sebegini. Vandalisme yang berlaku ini juga akan membuatkan sekolah perlu mengeluarkan jumlah wang yang besar untuk membaiki peralatan yang rosak, dinding- dinding yang telah diconteng dan sebagainya. Sebagaimana kenyataan yang telah disebut oleh Cikgu Aizat hasil daripada temubual pengkaji bersamanya, beliau menyebut tentang kesan vandalisme terhadap sekolah.

“ Dalam aspek kewangan, sekolah akan melaburkan jumlah wang yang banyak apabila perkara ini berlaku. Hal ini kerana pihak sekolah perlu menukarkan peralatan yang telah dirosakkan oleh pelajar. Walaubagaimanapun pihak sekolah boleh mengadakan program yang membina kepada pembentukan sahsiah pelajar. Akhirnya, pelajar yang berpotensi dalam pelajaran turut terjejas kerana peruntukan wang untuk akademik perlu beralih kepada infrastruktur sekolah ”

Oleh itu, mengikut daripada temubual bersama dengan Cikgu Aizat itu adalah benar kerana laporan statistik mencatatkan kerugian akibat vandalisme di sekolah menengah bagi pertengahan 2000 ialah sebanyak RM40,446 yang melibatkan perbuatan merosakkan peralatan seperti meja, kerusi, pagar dan tandas. Akhir sekali, perkara seperti ini mestilah dibendung agar ianya tidak semakin parah dalam kalangan remaja.

4.3. Langkah-Langkah untuk Mengatasi Masalah Vandalisme dalam Kalangan Pelajar

4.3.1. Peranan Pihak Sekolah

Masalah vandalisme atau laku musnah ini semakin hari, semakin meningkat. Gejala ini turut melibatkan pelajar sekolah di kawasan sekolah. Pelbagai usaha yang dilakukan oleh pihak bertanggungjawab dalam menangani masalah negatif ini. Pihak sekolah turut memainkan peranan dalam menghapuskan gejala vandalisme supaya dapat memupuk kesedaran di dalam jiwa para pelajar untuk menghargai harta benda awam yang disediakan di sekolah mahupun di tempat lain. Pihak sekolah perlulah mengambil tindakan tegas terhadap gejala merosakkan harta benda sekolah ini dengan menekenkan hukuman yang dikenakan untuk pelajar yang terlibat dalam masalah vandalisme di sekolah. Contohnya, kes pelajar memecahkan pintu bilik darjah, pintu tandas, merosakkan kerusi meja dan kemudahan yang lain amat mendukung pihak sekolah. Hal ini kerana, peruntukan yang besar terpaksa dikeluarkan untuk menggantikan peralatan sekolah yang rosak untuk menyediakan persekitaran yang kondusif kepada guru dan pelajar sepanjang tempoh pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Gejala vandalisme dalam kalangan pelajar di sekolah mesti dibendung sejak awal dengan mengenal pasti pelajar-pelajar yang terlibat. Tindakan tegas perlu diambil selaras dengan peraturan disiplin sekolah contohnya, tindakan amaran, sesi kaunseling, denda malah sehingga lah pelajar boleh digantung sekolah supaya gejala ini tidak menular kepada pelajar-pelajar lain dan menjadi duri dalam daging kepada pihak sekolah. Selaras dengan pendapat Cikgu Aizat bahawa:

“Langkah-langkah yang perlu diambil, yang pertama kita kena mempertingkatkan disiplin pelajar, yang pertama, penguatkuasaan undang- undang sekolah perlu sangat ditekankan, kadang – kadang para pelajar ini bila di sekolah penguatkuasaan sekolah itu tidak terlalu details , ataupun tidak memberikan penekanan yang sangat kepada pelajar, pelajar ini akan rasa benda yang dibuat itu tidak salah dan akhirnya perkara ini akan berlaku berterusan. so, penguatkuasaan undang-undabg di sekolah itu perlu ditekankan lagi dan akan melahirkan pelajar yang apabila dia buat masalah vandalisme ini dia akan rasa takut dan tidak mempengaruhi kawan – kawan lain ”.

Kesimpulannya, pihak sekolah perlu berganding bahu dan mengerah keringat serta bersama- sama *melangkah sederap* untuk memerangi gejala vandalisme ini. Gejala ini jika dibiarkan mampu menjadi virus yang akan mencipta jenayah yang lebih besar. Pihak sekolah terpaksa menanggung kerugian dan akan menyusahkan lagi pelbagai pihak. Justeru, langkah memerangi gejala vandalisme perlu dilakukan segera demi masa depan generasi muda dan seterusnya demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

4.3.2. Peranan Keluarga

Ibu bapa atau keluarga merupakan individu utama dalam membendung masalah vandalisme dalam

kalangan remaja khususnya pelajar yang merosakkan harta benda sekolah. Pihak keluarga perlulah memastikan anak-anak mereka tidak terlibat dengan tindakan negatif ini. Selain sibuk dengan kerja, ibu bapa perlulah mengambil tahu tentang aktiviti anak-anak mereka sama ada di sekolah atau di luar kawasan sekolah. Ibu bapa perlulah menunjukkan contoh atau persekitaran yang baik dan memberikan sepenuh perhatian kepada anak-anak mereka. Hal ini dapat dikaitkan dengan Teori Behaviourisme yang mengatakan bahawa tabiat dan tingkah laku manusia terbentuk hasil daripada proses pembelajaran dan evolusi persekitaran. Contohnya, tabiat dan tingkah laku anak-anak akan terbentuk hasil daripada pemerhatian mereka terhadap persekitaran seperti tingkah laku ibu bapa, guru-guru, rakan-rakan serta masyarakat sekeliling. Oleh itu, menurut Cikgu Aizat yang pengkaji temubual ini, ibu bapa haruslah mengajar anak-anak mereka supaya menghormati barang orang lain.

“Okay jadi perkara pokok yang harus dilakukan oleh pihak keluarga, yang pertama ialah menerapkan nilai2 murni dalam rumah , maksudnya para ibu bapa perlu mengajar anaknya menghormati barang orang lain. Maksudnya dalam situasi adik beradik, kakngah dan kaklong ni , kakngah kena respect barang-barang milik kaklong. Dan akhirnya apabila keluar dari rumah, bila dia pergi sekolah dia boleh hormat barang-barang di persekitaran sekolah dan perkara ini dapat diatasi dgn baik.”

Pada usia remaja, mereka mengalami perubahan dari segi peningkatan usia, pemikiran dan keadaan sekeliling. Semasa mereka melalui proses perkembangan ini, banyak perkara yang tidak pernah mereka ketahui atau alami. Disebabkan hal ini, remaja mempunyai sifat ingin tahu atau sifat ingin mencuba yang tinggi. Perkara ini turut disokong oleh Zainal & Sharani [4] yang menjelaskan, pada peringkat usia remaja, mereka mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi. Perasaan ingin tahu ini akan lebih marak apabila mereka bergaul dengan rakan-rakan yang mempunyai masalah disiplin. Sebagai contoh, apabila mereka ternampak pelajar lain merosakkan harta benda sekolah, mereka akan rasa ingin mencuba dan akan terikut dengan tindakan negatif itu. Jadi, ibu bapa juga perlu peka tentang dengan siapa anak-anak mereka bergaul agar gejala negatif ini tidak akan diikuti oleh anak-anak mereka.

4.3.3. Keberkesanan

Pada masa kini, vandalisme bukan lagi sesuatu masalah sosial baru kepada masyarakat. Berita yang berkaitan dengan gejala ini setiasa dipaparkan di atas surat khabar. Contohnya, tandas-tandas awam dan telefon awam diconteng dengan perkataan atau gambar yang menyakitkan mata. Kesannya, ia telah memberi impak negatif kepada masyarakat dan juga memburukkan nama baik negara. Hal ini kerana perbuatan ini telah menyebabkan pihak awam dan swasta terpaksa mengeluarkan belanja untuk membaiki dan menggantikan kemudahan-kemudahan yang telah dirosakkan.

Pelbagai tindakan dan denda yang sewajarnya perlu dalam mendidik pelajar-pelajar ini. Denda bolehlah juga dikatakan sebagai insentif untuk memperbetulkan tingkah laku pelajar. Seorang ahli kaji jiwa telah menyatakan bahawa insentif atau dorongan yang negatif amat penting dalam kehidupan seharian. Mendenda bukanlah perkara yang disukai oleh guru dan pelajar. Biasanya, perkara ini boleh dielakkan tetapi guru perlu mengetahui bila, bagaimana dan dendaan jenis apa yang sesuai untuk digunakan. Menurut Cg. Aizat:

“Keberkesanan langkah yang diambil bergantung pada peraturan atau undang-undang yang ditetapkan oleh sesebuah sekolah itu sendiri. Berdasarkan pada pengalaman saya mengajar, peranan pentadbiran di sekolah sangat penting dalam merancang polisi dan undang-undang sekolah. Akhirnya, apabila pelajar merasakan peraturan itu setimpal dengan kesalahan yang mereka lakukan mereka dapat belajar daripada kesilapan yang mereka lakukan dan masalah ini akan dapat dibendung”.

Ini bermakna, keberkesanan sesuatu langkah bergantung kepada pentadbiran sekolah, semakin ketat peraturan semakin mereka rasa takut untuk membuat kesalahan disiplin. Oleh itu perlulah diambil perhatian oleh guru apakah tujuan mereka menghukum dan juga samada mereka mempunyai autoriti atau tidak. Selain itu, jenis dan kadar hukuman yang dikenakan juga perlu dipertimbangkan, ini adalah kerana apabila dendam yang terlibat biasanya hukuman yang dikenakan adalah lebih berat daripada yang sewajarnya. Para guru perlu berhati-hati dalam menggunakan denda supaya tidak dieksploitasi

oleh pelajar.

4.4. Cabaran yang Dihadapi untuk Mengatasi Masalah Vandalisme

Vandalisme merupakan laku musnah yang berupa pelanggaran disiplin yang mana termasuklah merosakkan harta benda sekolah, menconteng meja, memecahkan cermin tingkap, mengotorkan kawasan sekolah dan sebagainya. Melalui temu bual yang telah dilakukan bersama dengan Cikgu Aizat, beliau mengkelaskan dalam dua bahagian iaitu faktor dalaman dan luaran yang perlu dihadapi oleh pihak sekolah dalam cabaran mereka mengatasi gejala vandalisme ini.

5. Perbincangan

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang dilakukan dan rujukan yang telah ditetapkan, pengkaji mendapati bahawa faktor utama yang menyebabkan pelajar terlibat dengan masalah vandalisme di sekolah ialah berpunca daripada keluarga dan rakan sebaya.

5.1. Faktor Pengaruh Rakan Sebaya

Menurut Kamus Dewan Edisi Ke-4, rakan sebaya ialah sahabat yang sama umurnya. Rakan sebaya juga ialah sahabat daripada lingkungan latar belakang yang sama dan suka bersama dalam pelbagai aktiviti dan matlamat atau dalam kata lain mempunyai minat yang sama. Dalam tempoh perkembangan kanak-kanak, rakan sebaya memainkan peranan yang penting bagi membentuk sosioemosi yang baik. Scole dan Shale [8] mendefinisikan rakan sebaya merupakan unit bagi golongan remaja. Hal ini secara langsung mempengaruhi corak hidup mereka di sekolah di mana mereka juga mempunyai taraf sosioekonomi yang lebih kurang sama. Tekanan rakan sebaya boleh membentuk sesuatu tingkah laku agresif pelajar. Rakan yang mempunyai pengaruh positif mampu membentuk sahsiah diri yang positif dalam diri remaja manakala rakan yang mempunyai pengaruh negatif mampu membentuk sahsiah diri remaja yang negatif serta mampu mengundang kemudaran dalam diri seseorang remaja.

Menurut Kevan [9], golongan ini tidak dapat melarikan diri daripada melalui proses “keakuran kepada rakan sebaya”. Mereka akan melakukan sesuatu tingkah laku atas permintaan rakan-rakan walaupun mereka tidak berniat jahat berbuat demikian. Lazimnya, mereka sangat mendengari dan mematuhi arahan daripada rakan sebayanya. Jika tidak mengikuti arahan mereka, mereka akan disisih daripada kumpulan itu. Misalnya, jika seorang remaja itu bergaul dengan kumpulan remaja yang gemar melakukan gejala vandalisme, remaja itu secara langsung turut terlibat dengan gejala tersebut kerana mereka tidak mahu tersisih daripada rakan-rakan mereka. Mereka ingin cuba mempertaruhkan kesetiaan kepada kumpulannya dengan melakukan tingkah laku yang diminta oleh ahli-ahlinya agar mereka diakui dalam kumpulan itu serta mendapat kehendak penghargaan. Mereka akan berasa selamat dan dihargai dalam kumpulan itu. Mereka ini menerima pendidikan tidak formal daripada rakan sebaya.

Golongan remaja merupakan golongan yang sentiasa melakukan aktiviti kumpulan. Mereka lebih suka berbincang dan membuat keputusan bersama-sama jika dibandingkan dengan guru, ahli keluarga dan masyarakat. Lazimnya, mereka akan patuh dan menurut kata-kata daripada rakan-rakannya. Mereka akan berasa gembira ketika berkumpul dengan rakan sebaya. Pengaruh rakan sebaya yang dominan ke atas pelajar-pelajar mungkin meningkatkan lagi kejadian vandalisme di sekolah sekiranya kumpulan itu cenderung ke arah melakukan perbuatan vandalisme.

Selain itu, remaja merupakan golongan yang mempunyai keinginan yang tinggi untuk mencuba perkara-perkara yang tidak pernah mereka alami. Kajian lepas yang dilakukan oleh Asmak [10] mengenai salah laku sosial remaja masa kini menunjukkan faktor ingin mencuba juga tinggi iaitu sebanyak 48%. Kajian Asmak selari dengan Zainal dan Sharani [4] yang menjelaskan, pada peringkat usia remaja, mereka mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi. Demikian itu, apa-apa sahaja perkara baru yang terjadi di sekeliling mereka akan mendorong wujudnya perasaan ingin tahu dalam diri mereka. Menurut Zainal dan Sharani juga, keadaan ini membuatkan mereka terdorong untuk mencuba dan melakukan perkara-perkara tersebut. La Rouchefoucauld pernah mengungkapkan,

“Keinginan paling besar kadangkala mempunyai komanya, tetapi sifat bermegah mengganggu kita tanpa titik noktahnya.”

Oleh yang demikian, remaja tersebut akan mengalami keruntuhan akhlak dan mempunyai masa

depan yang gelap kerana telah dicemari dengan niat yang salah. Lantas, perasaan ingin tahu yang wujud dalam diri mereka akan mendorong mereka melakukan apa sahaja tanpa memikirkan baik atau buruknya perkara-perkara tersebut terlebih dahulu lebih-lebih lagi kerana mereka berada dalam kumpulan rakan sebaya yang akan melakukan perkara tersebut bersama-sama mereka. Kumpulan rakan sebaya dibentangkan pada Rajah 2.




Rajah 2. Kumpulan Rakan Sebaya

5.2. Faktor Keluarga

Keluarga merupakan sekumpulan manusia yang tinggal bersama di bawah satu bumbung dan mempunyai ikatan perkahwinan, pertalian darah atau keluarga anak angkat. Ahli keluarga terdiri daripada ibu, bapa, penjaga, anak dan saudara-mara yang tinggal bersama. Seorang remaja pasti memerlukan sepenuh sokongan dan didikan daripada keluarga mereka. Menurut Rahim [3], golongan remaja menyesuaikan dirinya dengan faktor-faktor persekitaran keluarga, persekitaran sosial dan budaya yang akan mencorakkan perkembangan tingkah laku mereka. Maka, ibu bapa turut berperanan penting sebagai seseorang yang perlu menyerapkan nilai murni terhadap anak-anak mereka. Ibu bapa memainkan peranan yang cukup penting dalam pendidikan anak-anak dengan cara menghayati fitrah anak yang suci, mendisiplinkan anak-anak sejak peringkat awal, menyediakan kemudahan. Namun, sekiranya ibu bapa tidak bertanggungjawab dalam membentuk sahsiah keperibadian dan sahsiah anak-anak mereka, anak-anak pasti akan merasa tersisih dan berpendapat bahawa ibu bapa mereka tidak memberikan kasih sayang kepada mereka. Seperti yang selalu kita dengar, kebanyakan pelajar yang terjebak dengan masalah disiplin di sekolah seperti vandalisme adalah berpunca daripada situasi keluarga mereka yang kurang sempurna.

Ketidakberadaan ibu bapa di rumah kerana sering sibuk dengan kerja menyebabkan anak-anak mereka bosan di rumah. Mereka akan lebih kerap berada di luar rumah untuk bergaul dengan rakan-rakan mereka bagi mengisi masa senggang mereka. Kebarangkalian untuk anak-anak mereka melakukan perkara yang negatif amatlah tinggi kerana kurang atau tidak mendapat pengawasan daripada ibu bapa mereka. Ibu bapa yang sibuk dengan kerja boleh menyebabkan hubungan antara mereka dan anak-anak menjadi renggang. Daripada perspektif anak-anak, apabila mereka pulang dari sekolah, tiada ibu bapa yang menyambut kepulangan mereka, jadi mereka akan merasa tidak diberi perhatian oleh ibu bapa mereka. Hal ini juga akan menyebabkan ibu bapa dan anak-anak mengalami masalah komunikasi dan ibu bapa tidak dapat tentang aktiviti harian anak-anak mereka. Seterusnya, remaja akan merasakan bahawa ibu bapa tidak mengambil berat tentang keperluan mereka.



Rajah 3. Kurangnya Perhatian Ibu Bapa terhadap Anak

Sebagai remaja, mereka pasti ingin bercerita tentang aktiviti harian mereka atau penglibatan mereka di sekolah dengan ibu bapa mereka tetapi ibu bapa mereka tidak menumpukan perhatian terhadap mereka. Oleh itu, remaja akan kerap melakukan kelakuan yang boleh menarik perhatian ibu bapa atau ahli keluarga. Secara umumnya, semasa kanak-kanak, remaja mendapat perhatian yang lebih daripada ibu bapa. Tetapi, apabila mereka memasuki alam remaja perhatian dan layanan yang lebih akan berkurangan dan ini menyebabkan remaja mula rasa terpinggir atau tidak dipedulikan. Jadi untuk hal ini, sesetengah remaja akan membuat sesuatu perkara untuk menarik perhatian ibu bapa mereka seperti mempunyai masalah disiplin. Sebagai contoh, mereka akan membuat masalah disiplin di sekolah seperti merosakkan harta benda sekolah atau menconteng di sekitar sekolah. Oleh itu, ibu bapa mempunyai peranan yang amat penting dalam membentuk keperibadian anak-anak mereka. Kurangnya perhatian ibu bapa dibentangkan pada Rajah 3.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, masalah gejala vandalisme dalam kalangan pelajar sekolah mahupun remaja di Malaysia dilihat tidaklah terlalu teruk, namun jika masalah ini tidak dipandang serius ia boleh memberi impak yang besar kepada negara. Masalah vandalisme yang melanda remaja pada masa kini adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antara faktor-faktor tersebut ialah masalah institusi keluarga, persekitaran dan sebagainya. Oleh itu, semua pihak haruslah memainkan peranan dalam menangani masalah vandalisme dalam kalangan pelajar di sekolah khususnya bagi ibu bapa dan pihak sekolah. Setiap anggota masyarakat perlu bersikap prihatin dan memberi perhatian kepada anak mereka agar tidak melakukan perbuatan yang salah ini dan masyarakat perlu peka terhadap apa yang berlaku di sekeliling mereka. Masyarakat perlu proaktif terhadap gejala vandalisme yang berlaku di kawasan mereka. Pelbagai inisiatif perlu diambil bagi menangani masalah ini sebelum ianya menjadi lebih serius pada masa akan datang. Generasi muda perlu diterangkan dengan mendalam tentang tanggungjawab mereka terhadap harta benda awam. Remaja pada masa kini seharusnya lebih kuat dan mempunyai jati diri yang mantap supaya dapat mengawal diri dari terjebak dengan gejala-gejala yang boleh menandatangani kemudharatan dan kesan buruk. Sesungguhnya, remaja yang unggul dan berkualiti adalah remaja yang dapat membangunkan negara untuk lebih setanding dan maju dengan negara-negara lain. Ini amat penting kerana kita perlu melahirkan remaja yang boleh memberi banyak manfaat bukan sahaja pada diri sendiri, tetapi memberi manfaat juga kepada keluarga, masyarakat, bangsa dan negara.

Daftar Pustaka

- [1] Glueck, N. Eleanor, L. & Sheldon, A. (2008). *Unravelling Juvenile Delinquency*. Massachusetts: Harvard University Press. Cambridge.
- [2] Mohd, Z. (2006). Cabaran Guru terhadap Disiplin Pelajar. *Seminar Disiplin Pelajar Kebangsaan Kementerian Pendidikan Malaysia*. Genting Highland, Pahang: 28-31 September.
- [3] Rahim, A. A. R. (2006). *Menangani Perkembangan dan Masalah Tingkah Laku Remaja Dalam Keluarga*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Pusat Pembangunan Keluarga.
- [4] Zainal, M. & Mohd, Sharani A. (2004). *Panduan Mengurus Remaja Moden*. Bentong: PTS Professional.
- [5] Jamsiah, M & Hazlinda, H. (2009). Factors Affecting Sosial Misconduct Amongst Adolescents in Melaka Tengah District. *Jurnal of community Health*, 15(1): 1-11.
- [6] Fauziyani, S. & Bushrah, B. (2017). *Vandalisme dalam Kalangan Remaja dan Kaedah Menanganinya*: Johor Bahru: SMK Skudai & Falkuti Tamadun Islam UTM.
- [7] Bedu, H., Khairulhelmi, K. Mohd, F. M. S. & Syed, M. S. S. M. (2008). *Keruntuhan Akhlak dan Gejala Sosial dalam Keluarga: Isu dan Cabaran*. Skudai: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- [8] Scole, L. & Shall, I. N. (2007). *Psychology of Adolescence*. Great Britain: Holt, Rinehart and Winston Inc.
- [9] Kevan, M. (2006). *Juvenile Vandalism: A Study of its Nature and Prevention*. Springfield Illinois: Charles, C. T.
- [10] Asmak, H. A. (2006). *Salah Laku Remaja Masa Kini: Cabaran dan Penyelesaiannya*. Kuala Lumpur: UITM Shah Alam: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam.